

12/01/1997

Umno pandang berat penyalahgunaan NGO

KUALA LUMPUR: Majlis Tertinggi (MT) Umno memandang berat tindakan beberapa orang tertentu menyalahgunakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menjadi pendesak masyarakat dan memburuk-burukkan kerajaan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata desakan itu sebenarnya bukan pandangan rakyat negara ini, tetapi mungkin sudah ada perancangan untuk memprotes Malaysia.

Katanya, ini kerana kerajaan mendapati NGO terbabit tidak pula membantah keganasan polis atau pelanggaran hak asas di negara lain.

Berikutan itu, Perdana Menteri mahu semua NGO di negara ini berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan tidak berselindung dengan mendaftar pertubuhan itu sebagai syarikat.

"Kita hendak NGO supaya betul-betul menyuarakan pendapat orang ramai dan bukan pendapat satu, dua orang saja."

"Oleh itu NGO perlu mengadakan pertubuhan yang didaftar yang mempunyai pegawai-pegawai tertentu yang menyimpan rekod tertentu, termasuk rekod kewangan dan punca kewangan mereka," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat MT Umno, semalam.

Dr Mahathir berkata langkah itu perlu untuk memastikan hanya NGO yang betul-betul dapat menjalankan tugas bermanfaat kepada masyarakat dan negara sahaja dibenarkan bergerak cergas.

"Pendaftaran itu dapat mengelak NGO daripada disalahgunakan oleh pihak tertentu untuk menjadi pendesak kepada masyarakat dan kerajaan," katanya.

(END)